

588:

MAHATHIR-UNIVERSITI

1974

KUALA LUMPUR, 26 SEPT. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK AKAN BERTINDAK MENUTUP UNIVERSITI MALAYA MELAINKAN IA BENAR-BENAR PERLU SEPerti BERLANG HURU-HARA DIDALAM KAMPUS.

KATANYA, BELIAU SENDIRI TIDAK INGIN CAMPURTANGAN DENGAN PERISTIWA YANG BERLAKU DI UNIVERSITI TERSEBUT.

BELIAU MENYATAKAN DEKLARASI KEPADA PARA PEMBERITA SEBAGAI MENGULAS PERKEMBANGAN TERAKHIR DI UNIVERSITI ITU TERMASUK PENGGANTUNGAN PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA (PMUM).

TERDAHULU DARI ITU DR. MAHATHIR MENERIMA SEKEPING CEK BERNILAI \$10,000 SUMBANGAN DUNLOP INDUSTRIES MALAYSIA BERHAD DARIPADA PENGARAH URUSAN TUNGKU AHMAD BIN YAHAYA UNTUK MEMBIAYAI PERTANDINGAN BADMINTON DI SEKOLAH-SEKOLAH.

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMANDANG CAMPURTANGANNYA ADALAH TIDAK DIPERLUKAN KERANA KEADAAN TIDAKLAH BEGITU SERIOUS.

WALAU BAGAIMANAPUN BELIAU AKAN BERTINDAK JIKA KEADAAN MENJADI SERIOUS, MITHALNYA BERLAKU KEKACAUAN ATAU HURU-HARA.-  
BERSAMBUNG 1715/MM

589:

MAHATHIR-UNIVERSITI 2 KUALA LUMPUR

KATANYA PEHAK MAJLIS UNIVERSITI SEDANG BERUSAHA MEMULEHKAN KEADAAN MENGIKUT KUASA-KUASA YANG ADA DALAM PERLEMBAGAAN UNIVERSITI ITU.

PEHAK UNIVERSITI JUGA SEDANG MencARI JALAN SUPAYA KEDUA-DUA PEHAK YANG BERTENTANGAN DI UNIVERSITI TERSEBUT DAPAT BEKERJASAMA.

BELIAU MENYESALI JIKA BENAR LAPURAN BERITA YANG MENGATAKAN ADA TUTOR DAN PENSYARAH YANG TURUT TERLIBAT DALAM PERISTIWA DI UNIVERSITI ITU DENGAN MENYEBELAH SESUATU GOLONGAN PENUNTUT.

KATANYA, TUTOR DAN PENSYARAH ADALAH PEGAWAI-PEGAWAI UNIVERSITI OLEH ITU MEREKA TIDAK BOLEH MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM MASAALAH YANG MELIBATKAN PENUNTUT-PENUNTUT.

MENURUTNYA WALAUPUN KEADAAN MASEH TEGANG TETAPI KEADAAN KESELURUHANNYA TELAH BERANSUR PULEH.

MENYENTUH TENTANG PENGGANTUNGAN PMUM OLEH Pengerusi MAJLIS UNIVERSITI, DATUK DR. SYED MOHAMED ALWI ALHADY BELIAU BERKATA INI ADALAH BERIKUTAN TINDAKAN PMUM YANG MENYEBABKAN KEADAAN TIDAK TENTU HALA DALAM UNIVERSITI.-  
BERSAMBUNG 1720/MM

592:

MAHATHIR-UNIVERSITI 3 KUALA LUMPUR

SEBAHAGIAN BESAR PENUNTUT TIDAK BERSETUJU DENGAN TINDAKAN PMUM MEMBENTUK MAJLIS TINDAKAN SEMENTARA (MTS) DAN MENGAMBIL ALIH PENTADBIRAN UNIVERSITI.

INI JELAS MENUNJUKKAN PIMPINAN PMUM TIDAK LAGI MENDAPAT SOKONGAN SEBAHAGIAN BESAR DARI PARA PELAJAR.

TINDAKAN TERAKHIR PMUM MENGGESA SEMUA PENUNTUT SUPAYA MEMULAUKAN KULIAH DAN TUTORIAL JUGA TIDAK MENDAPAT SAMBUTAN, INI JUGA MENUNJUKKAN PMUM TIDAK LAGI DITERIMA OLEH SEBAHAGIAN BESAR PENUNTUT.

BELIAU JUGA TIDAK NAMPAK MENGAPA PENUNTUT MESTI MEMULAUKAN KULIAH KERANA PEHAK MAJLIS TERTINGGI NASIONALIS MTN MENYERAHKAN KUASA KEPADA PENTADBIR DAN JUGA RUMAH PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA YANG DIDUDUKINYA.

DITANYA MENGENAI ADANYA TUDUHAN YANG MENGATAKAN PERISTIWA YANG BERLAKU DI UNIVERSITI TERSEBUT DIPENGARUHI DARI LUAR DR. MAHATHIR BERKATA:

+APA YANG NYATA JALAH PERKARA INI TIMBUL BERSABIT PEMBINAAN RUMAH HARAM DI JOHOR. PERKARA INI CUBA DIPERJUANGKAN OLEH PARTI RAKYAT, KEMUDIAN DIKUTI OLEH PMUM DAN KELAB SOSIALIS.

+TIDAK DAPAT DINAFIKAN KEDUA INI ADA HUBUNGAN.+

KATANYA, BELIAU SENDIRI TIDAK MAHU CAMPURTANGAN KERANA TIDAK MAHU TERLIBAT KERANA BELIAU SENDIRI TELAH DITUDUH BERAT SEBELAH.

SEMENTARA ITU UNIVERSITI MALAYA MASEH LAGI DITUTUP KEPADA ORANGRAMAI WALAUPUN KEADAAN DI KAMPUS DILAPURKAN TENANG.

ANGGOTA-ANGGOTA POLIS SIMPANAN PERSEKUTUAN (FRU) DAN PASUKAN POLIS HUTAN MASEH MENGADAKAN KAWALAN KETAT DI KEDUA-DUA PINTU MASUK KE KAMPUS.

HANYA KAKITANGAN DAN PARA PELAJAR UNIVERSITI DIBENARKAN MASUK.

SEORANG JURUCAKAP UNIVERSITI BERKATA KEADAAN DI KAMPUS TENANG DAN TELAH PULEH SEPERTI SEDIAKALA.

MAJLIS UNIVERSITI MALAYA AKAN MENGADAKAN MESYUARAT ESOK BAGI MENENTUKAN KEDUDUKAN PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI ITU (PMUM) YANG DIGANTUNG SEJAK KELMARIN.-  
BERSAMBUNG 1735/MM

595:

MAHATHIR-UNIVERSITI 4 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, PRESIDEN PMUM, ENCIK KAMARUZAMAN YACOOB BERKATA PIHAKNYA SEDANG MEMUNGUT TANDATANGAN PENUNTUT UNTUK DIKEMUKAKAN KEPADA MESYUARAT MAJLIS UNIVERSITI BAGI MENENTUKAN MASA DEPANNYA ESOK.

BELIAU MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR DI SINI HARI INI BAHAWA SATU MEMORENDAM MENYERU MAJLIS JANGAN MENGGANTungkan KESATUAN AKAN JUGA DIKEMUKAKAN BERSAMA.

KATANYA, PMUM DIJANGKA DAPAT MENGAMBIL LEBIH 5,000 TANDA TANGAN.

PENGGANTungan PMUM OLEH PIHAK MAJLIS ADALAH BERTENTANGAN DENGAN KEPENTINGAN PELAJAR, DIMANA SEBILANGAN BESAR DARIPADANYA MENYOKONG PMUM. 165

ENCIK KAMARUZAMAN BERKATA LANGKAH MEMUNGUT TANDATANGAN ITU DILAKUKAN KERANA PMUM TIDAK MENGAKUI PENGGANTUNGANNYA OLEH Pengerusi MAJLIS UNIVERSITI, DATUK (DR.) AL HADI.

KATANYA +MENURUT FASAL 6 (51) PERLEMBAGAAN UNIVERSITI, HANYA MAJLIS SAJA YANG BOLEH MENGGANTungkan PMUM DAN BUKANNYA Pengerusi.

BELIAU MENDAKWA BAHAWA PELAJAR-PELAJAR DARI FAKULTI PERGIGIAN, UNDANG-UNDANG, PERUBATAN, SAINS, PERTANIAN, KEJURUTERAAN DAN SETENGAH PELAJAR FAKULTI EKONOMI MEMULAUKAN TUTORIAL DAN KULIAH MASING-MASING KERANA MENYOKONG PMUM.-BERNAMA 1745/MM